

UMS rangka pelan strategik jadikan industri kreatif sumber penjanaan ekonomi Sabah

NST 26/09/2011 3

KOTA KINABALU: Ketua Menteri Datuk Seri Musa Haji Aman mahu Universiti Malaysia Sabah (UMS) merangka pelan strategik yang lebih komprehensif bagi menjadikan industri kreatif seperti industri perfileman sebagai sumber pembangunan dan penjanaan ekonomi negeri.

Beliau yakin dengan adanya perancangan strategik dan kekreatifan anak-anak tempatan, industri perfileman di negeri ini akan terus maju.

Oleh itu beliau berharap UMS dengan kerjasama agensi kerajaan yang berkaitan sama ada di peringkat negeri dan persekutuan dapat merangka pelan strategi bagi mencapai matlamat itu.

“Jika negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, India, Hong Kong dan Korea boleh menjadikan industri kreatif sebagai salah satu sumber ekonomi negara, saya yakin dengan perancangan strategik dan kebolehan kreatif anak-anak tempatan Sabah, kita juga boleh mencapai tahap tersebut.

“Ini harus kita usahakan supaya

kita dapat menampilkan dan menerbitkan filem-filem bermutu tinggi yang boleh dipertandingangkan di peringkat perfileman antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Hari Seniman Sabah 2011, di Dewan Resital UMS, di sini, kelmarin.

Turut hadir Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampoin, Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Bolkiyah Ismail, ahli-ahli Persatuan Kebajikan Artis Vateran, seniman, seniwati dan para pelajar UMS.

Musa berkata, aktiviti kesenian seperti perfileman memberi sumbangan besar kepada negeri Sabah, antaranya membantu mempromosikan negeri ini sebagai sebuah destinasi pelancongan serta kemesraan dan keramahan masyarakat pelbagai etnik dan agama yang hidup dalam suasana aman dan harmoni.

“Ia secara tidak langsung akan menjadikan karyawan filem sebagai

duta kecil untuk terus mempromosikan potensi dan keunikan Sabah dalam pelbagai bidang,” katanya.

Beliau berkata, perkembangan industri perfileman di Sabah terutama dalam penerbitan rancangan televisyen bertambah rancak.

“Banyak syarikat produksi tempatan telah menjadikan Sabah sebagai lokasi penggambaran filem dan drama televisyen.

“Begitu juga dengan syarikat produksi milik anak-anak tempatan Sabah yang semakin bertambah bilangannya dan aktif menceburi bidang penerbitan tanahair.

“Ini bukan sahaja memberi peluang pekerjaan, bahkan berupaya menyumbang kepada kepesatan industri kesenian tempatan,” katanya.

Musa juga mahu penerbitan filem dan dokumentari berkaitan sejarah Sabah yang memaparkan kejayaan dan perjuangan tokoh-tokoh terdahulu dan hari ini dapat diterbitkan dalam bentuk filem, animasi dan dokumentari.

“Ini penting bagi membentuk pemikiran dan sikap positif generasi muda dalam membantu pembangunan negara bangsa yang bersatu padu dan berjaya.

“Selain itu ia juga dapat mengelak peristiwa sejarah disalahtafsirkan demi kepentingan pihak tertentu seperti mana yang kerap berlaku sejak kebelakangan ini,” katanya.

Musa turut mencadangkan agar UMS dapat menerbitkan dokumentari dan menulis buku-buku yang menceritakan sumbangan dan pengalaman tokoh-tokoh karyawan tempatan.

“Saya percaya pengalaman tokoh-tokoh karyawan veteran seperti Datuk Aziz Sattar, Seniwati Mariani, Zaiton dan Deddy M. Borhan, tokoh filem yang berasal dari Sabah dapat dijadikan bahan rujukan masyarakat terutamanya kepada para pelajar kesenian dan komunikasi yang akan melibatkan diri dalam bidang perfileman,” katanya.

Katanya lagi, kerajaan negeri akan

terus memberikan sokongan dan komitmen terhadap penganjuran aktiviti yang berkaitan dengan industri kreatif perfileman seperti Sambutan Hari Seniman.

Beliau berharap aktiviti-aktiviti sempena sambutan ini akan diikuti dengan perancangan dan pelaksanaan susulan bagi memastikan ia memberi manfaat kepada pembangunan dan ke sejahteraan rakyat serta kemakmuran negara, khususnya Sabah.

“Saya menyambut baik dan sentiasa menyokong usaha-usaha bagi memartabatkan lagi industri perfileman tempatan. Ini dibuktikan apabila Kerajaan Negeri Sabah menjadi tuan rumah Festival Filem Malaysia ke-22 pada 2009.

“Ternyata ia mencatat sejarah tersendiri, dan saya dimaklumkan pihak media dan para karyawan filem tempatan mengakui festival itu yang terbaik pernah diadakan dalam sejarah penganjurannya,” katanya. — OLEH MARRYAN RAZAN